

# Dermaga 8a sedia terima kapal kontena terbesar dunia

**Northport** (Malaysia) Bhd, anak syarikat NCB Holdings Bhd, menjangka boleh mula menerima kapal kontena terbesar dunia untuk berlabuh di Dermaga 8a miliknya, menjelang akhir September depan.

Pengerusi NCB Holdings, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata meskipun pembinaan dermaga itu lewat dua bulan, namun ia tidak menjelaskan operasi keseluruhan Northport.

"Tinjauan yang dilakukan hari ini (semalam) mendapati sebahagian besar dermaga itu sudah pun disiapkan dengan dua Kren Quay yang setiap satu mempunyai jangkauan menyusun sehingga 24 kontena sebaris, sudah pun dipasang di Dermaga 8a.

"Pihak kami juga menjangkakan dua lagi

kren seumpama akan dipasang pada pertengahan Julai sebelum ditaliahkan sepenuhnya menjelang akhir September," katanya di Pelabuhan Klang, semalam.

Beliau berkata, apabila siap kelak Dermaga 8a mampu menyuntik kapasiti tambahan pengendalian kontena sebanyak 66,000 TEU dalam usaha memastikan Northport mampu bersaing serta memenuhi keperluan pelanggan.

**"Pihak kami juga menjangkakan dua lagi kren seumpama akan dipasang pada pertengahan Julai sebelum ditaliahkan sepenuhnya menjelang akhir September"**

**Ahmad Sarji  
Abdul Hamid,  
Pengerusi NCB Holdings**

"Dermaga itu akan menyumbang kepada usaha mengukuhkan kapasiti pengendalian kontena Northport.

"Selain itu, kita juga berharap dengan siapnya dermaga ini, sasaran pengendalian 3.4 juta TEU kontena pada tahun ini dapat direalisasikan," katanya.

## **Pelaburan RM350 juta**

Dermaga 8a, membentuk sebahagian daripada Terminal Kontena 4 di Northport membabitkan pelaburan kira-kira RM350 juta.

Kemudahan itu mempunyai kedalaman maksimum 17 meter dilengkapi kren yang mempunyai jangkauan sehingga 68 meter, bagi membolehkannya mengendalikan kapal Super Post Panamax sepanjang 348 meter.

Northport menjangkakan menerusi pelan pembangunan yang disusun membabitkan usaha menaiktaraf derma kontena 8, 9 dan 10, ia mampu menerima kapal besar sehingga 14,000 TEU, yang banyak digunakan oleh pengendali kapal utama dunia.

Ahmad Sarji berkata, pihaknya mendapat jaminan daripada kontraktor utama pembinaan dermaga itu bahawa projek berkenaan mampu disiapkan pada September depan menerusi langkah menambah bilangan pekerja binaan.

"Projek ini terlewat daripada jadual asal disebabkan kerja-kerja menanggalkan ceruk lama di kawasan dermaga berkenaan mengambil masa empat bulan berbanding jadual asal," katanya.